

14/06/2003

BN Johor mampu kekal rekod 100 peratus

JOHOR BAHRU: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pemuafakatan yang ditunjukkan Umno Johor mampu mengekalkan prestasinya mencapai kemenangan 100 peratus Barisan Nasional (BN) negeri ini pada pilihan raya akan datang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak pemimpin dan ahli Umno Johor bekerjasama menggembelng tenaga memastikan kemenangan BN dipertahankan demi kepentingan masa depan generasi baru.

"Kemenangan BN dapat mengekalkan kedaulatan Malaysia pada mata dunia," katanya dalam buku cenderamata sempena Konvensyen Umno Johor 2003, hari ini.

Konvensyen di Hotel Eden Garden, di sini dirasmikan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata, konvensyen itu boleh dijadikan meja pemuafakatan bersama kepimpinan Umno Johor dan BN negeri sesuai peralihan kuasa pucuk pimpinan secara terancang dan perubahan persempadanan kawasan baru pilihan raya.

"Saya juga berharap konvensyen kali ini dijadikan wadah untuk menuju kecemerlangan dan mencapai matlamat serta kejayaan," katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam kata-kata aluannya pula berkata, kesepakatan ahli Umno perlu terus dikekalkan dan diperkukuhkan bagi menjamin keutuhan Melayu dan umat Islam di bawah pimpinan Umno yang ditubuh sejak 57 tahun lalu.

Katanya, dalam keadaan umat Islam ditekan di setiap sudut di seluruh dunia dan bangsa Melayu ketinggalan jauh di belakang dalam banyak bidang, Umno perlu menggembelng seluruh tenaganya bagi mengatasi kemelut itu.

"Konvensyen ini adalah wadah persiapan Umno Johor menghadapi Perhimpunan Agung Umno dan pilihan raya akan datang. Umno sebagai tulang belakang pemerintahan negara memikul amanah besar menentukan masa depan Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula berkata, Umno tidak boleh leka dengan cabaran dihadapi, sebaliknya terus menyatukan Melayu untuk kekal sebagai wadah terulung politik Melayu.

"Tanpa perpaduan jitu, Melayu dan rakyat Malaysia akan lemah dan membuka ruang kepada kuasa luar menjajah semula.

"Kalau dulu kita dikuasai menerusi penjajahan sempadan, kini pemikiran, budaya dan ekonomi kita cuba diletakkan di bawah telunjuk mereka," katanya.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar berkata, konvensyen kali ini penting dan bermakna bagi memastikan perpaduan kukuh, komitmen ahli terus meningkat, selain rekod perkhidmatan cemerlang dan sentiasa boleh

dinilai
rakyat.

Selain itu, konvensyen penting bagi ahli merapatkan barisan dengan mengambil iktibar daripada pengalaman pilihan raya umum 1999 dalam usaha mengekalkan rekod kemenangan 100 peratus BN di Johor.